

BULETIN
PERTANDINGAN LESTARI PANTUN WARISAN
SEMPENA DEKAD BAHASA KEBANGSAAN
ANJURAN JABATAN WARISAN NEGARA

Pada 01 hingga 30 Oktober 2021, Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara (JWN) melalui Cawangan Bahasa dan Persuratan telah menganjurkan “**Pertandingan Lestari Pantun Warisan**” sempena Bulan Dekad Bahasa Kebangsaan 2021 yang merupakan antara program tahunan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

Pertandingan Lestari Pantun Warisan yang dilaksanakan adalah untuk menggalakkan tradisi amalan berpantun terus dibudayakan dalam masyarakat masa kini. Penganjuran program ini juga dapat membuka ruang kepada masyarakat untuk menyerlahkan bakat dalam penghasilan dan penyampaian Pantun. Justeru itu, dua pertandingan telah dianjurkan iaitu “**Pertandingan Teka dan Cipta Pantun Warisan**” dan “**Pertandingan Berpantun Warisan**”.

Program ini adalah antara usaha JWN untuk melestarikan Pantun yang telah diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2009 melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Selain itu, penganjuran pertandingan ini juga bertujuan untuk mengimarahkan Pantun yang telah disenaraikan di bawah kategori *Representative List of the Intangible Culture Heritage of Humanity* oleh UNESCO pada tahun 2020.

Hebahan penyertaan pertandingan telah dibuka sepanjang bulan Oktober 2021 melalui pelantar media sosial rasmi Jabatan Warisan Negara. Sebanyak 117 penyertaan yang terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India serta masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak telah diterima. Setelah sesi penjurian dilaksanakan, seramai 18 orang peserta telah berjaya mendapat markah tertinggi dan setiap pemenang akan menerima hadiah berupa wang tunai, sijil penghargaan serta hadiah iringan.

a. Pemenang Pertandingan Teka dan Cipta Pantun Warisan:

BIL.	NAMA	PEMENANG
a.	Mohd Huzaifi Bin Mat Ail	Pemenang No.1
b.	Noraila Binti M. Noor	Pemenang No.2
c.	Nurul Husna Binti Mhd Nordin	Pemenang No.3
d.	Marina Binti Meor Lizi	Saguhati
e.	Mohammad Adly Hakimi Bin Sahaimi	Saguhati
f.	Ahmad Anwar Bin Alias	Saguhati
g.	Azira Binti Sazali	Saguhati
h.	Muhammad Hanif Haikal Bin Kamaruzzaman	Saguhati
i.	Mohd Taufiq Mat Jalil	Saguhati

b. Pemenang Pertandingan Berpantun Warisan:

BIL.	NAMA	PEMENANG
a.	Muhammad Ikhwan Fahmi Bin Zani	Pemenang No.1
b.	Muhammad Hanif Haikal Bin Kamaruzzaman	Pemenang No.2
c.	Mohd Huzaifi Bin Mat Ail	Pemenang No.3
d.	Muhammad Rusyaidi Bin Razhi	Saguhati
e.	Muhammad Zuhair Bin Mokhtar	Saguhati
f.	Ainun Nasibah Binti Johar	Saguhati
g.	Noraila Binti M.Noor	Saguhati
h.	Mohd Hanif Bin Abdul Latif	Saguhati
i.	Nur Fatin Ainina Binti Nor Azman	Saguhati

Hasil daripada pertandingan yang dianjurkan dapat meningkatkan kecintaan masyarakat masa kini terhadap Pantun yang merupakan seni budaya dan warisan negara yang sangat bernilai. Usaha yang dilaksanakan ini adalah selari dengan peranan dan fungsi JWN untuk memastikan seni budaya dan warisan negara terus terpelihara dan menjadi jati diri masyarakat Malaysia.

LAMPIRAN GAMBAR

PERTANDINGAN LESTARI PANTUN WARISAN SEMPENA DEKAD BAHASA KEBANGSAAN 2021



Tahniah KEPADA PEMENANG
PERTANDINGAN LESTARI PANTUN WARISAN
SEMPENA DEKAD BAHASA KEBANGSAAN
ANJURAN JABATAN WARISAN NEGARA



PERTANDINGAN BERPANTUN WARISAN			PERTANDINGAN TEKA DAN CIPTA PANTUN WARISAN		
TEMPAT PERTAMA	MUHAMMAD IKHWAN FAHMI BIN ZANI	RM400	TEMPAT PERTAMA	MOHD HUZAFI BIN MAT AIL	RM400
TEMPAT KEDUA	MUHAMMAD HANIF HAIKAL BIN KAMARUZZAMAN	RM300	TEMPAT KEDUA	NORAILA BINTI M. NOOR	RM300
TEMPAT KETIGA	MOHD HUZAFI BIN MAT AIL	RM200	TEMPAT KETIGA	NURUL HUSNA BINTI MHD NORDIN	RM200
SAGUHATI	MUHAMMAD RUSYAI DI BIN RAZHI	RM100	SAGUHATI	MARINA BINTI MEOR LIZI	RM100
SAGUHATI	MUHAMMAD ZUHAIR BIN MOKHTAR	RM100	SAGUHATI	MOHAMMAD ADLY HAKIMI BIN SAHAIMI	RM100
SAGUHATI	AINUN NASIBAH BINTI JOHAR	RM100	SAGUHATI	AHMAD ANWAR BIN ALIAS	RM100
SAGUHATI	NORAILA BINTI M. NOOR	RM100	SAGUHATI	AZIRA BINTI SAZALI	RM100
SAGUHATI	MOHD HANIF BIN ABDUL LATIF	RM100	SAGUHATI	MUHAMMAD HANIF HAIKAL BIN KAMARUZZAMAN	RM100
SAGUHATI	NUR FATIN AININA BINTI NOR AZMAN	RM100	SAGUHATI	MOHD TAUFIQ MAT JALIL	RM100

Keputusan juri adalah muktamad dan pemenang akan dihubungi oleh pihak urus setia bagi urusan tuntutan hadiah.

KENALI, SAYANGI DAN LESTARI WARISAN KITA

 Jabatanwarisanegara
  @JWNInfo
  @JWNInfo



PERTANDINGAN LESTARI BERPANTUN WARISAN
01 - 30 OKTOBER 2021

PERTANDINGAN BERPANTUN WARISAN
TEMA: MEMBUDAYAKAN AMALAN SENI BUDAYA DAN WARISAN

Penyeriaan adalah **PERCUMA** dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia kecuali kakitangan Jabatan Warisan Negara dan keluarga. Setiap penyeriaan adalah secara individu. Peserta perlu menghasilkan 5 rangkai pantun 4 keri mengikut tema. Peserta perlu melatikan pantun yang dihasilkan serta merakamkan video berpantun tersebut. Peserta juga digalakkan berbudiabadi tradisional.

Tempat Pertama: RM400
Tempat Kedua: RM300
Tempat Ketiga: RM200
Sagu Hati: RM100 x 6
Siji dan Hadiah Irtigan

Sila layari website Jabatan Warisan Negara untuk mendapatkan borang serta terma dan syarat penyeriaan





@JWNInfo
jabatanwarisanegara

www.heritage.gov.my
Kenali, Sayangi dan Lestari Warisan Kita



PERTANDINGAN LESTARI BERPANTUN WARISAN
01 - 30 OKTOBER 2021

PERTANDINGAN TEKA DAN CIPTA PANTUN WARISAN

Penyeriaan adalah **PERCUMA** dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia kecuali kakitangan Jabatan Warisan Negara dan keluarga. Peserta perlu meneka sepuluh (10) gambar butiran Warisan Kebangsaan yang telah dikaburkan atau dipotong sebahagian pertandingan dan perlu memberikan jawapan yang paling tepat. Berdasarkan jawapan yang diperolehi, para peserta juga perlu menghasilkan 1 rangkai pantun 4 keri bagi setiap butiran yang diteka.

Tempat Pertama: RM400
Tempat Kedua: RM300
Tempat Ketiga: RM200
Sagu Hati: RM100 x 6
Siji dan Hadiah Irtigan

Sila layari website Jabatan Warisan Negara untuk mendapatkan borang serta terma dan syarat penyeriaan





@JWNInfo
jabatanwarisanegara

www.heritage.gov.my
Kenali, Sayangi dan Lestari Warisan Kita

